



## KENYATAAN AKHBAR

### **PEMASANGAN LAMPU JALAN KAMPUNG (LJK) JENIS *LIGHT EMITTING DIODE (LED)* DARI PERUNTUKAN *INCENTIVE BASED REGULATION (IBR)* TAHUN 2019/2020**

---

#### **LEBIH 10,000 LAMPU JALAN KAMPUNG LED JIMAT TENAGA DAN MUDAH SELENGGARA DIPASANG 2019-2020**

1. **19 Ogos 2019, Rinching Hilir, Hulu Langat** - Kerajaan telah memperuntukkan pemasangan lebih 10,000 buah lampu jimat tenaga jenis LED (Light Emitting Diode) di **jalan-jalan kampung** bermula dari tahun ini dan tahun hadapan melalui inisiatif Incentive Based Regulation (IBR).
2. Lebih 10,000 lampu jenis LED akan dipasang di jalan-jalan kampung di bawah Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) secara berperingkat melalui syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB).
3. Skop projek bagi program ini adalah membekal dan memasang set lampu di tiang sedia, di kawasan-kawasan umum serta di

hadapan bangunan awam seperti balai raya, surau, rumah ibadat serta di persimpangan-persimpangan jalan.

4. Lampu jalan kampung jenis LED adalah pilihan yang lebih mesra alam kerana ia lebih stabil, tahan lama, kurang panas dan tiada merkuri logam yang berbahaya terhadap alam sekitar. Penggunaan tenaganya juga lebih rendah dengan pencahayaan lebih terang berbanding lampu jalan biasa TNB.
5. Pemasangan lampu jalan LED ini juga merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga yang boleh menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga dan penjimatan kos bil elektrik sekurang-kurangnya antara 30 hingga 40%.
6. Dengan lampu LED ini juga kadar kerosakan lampu jalan boleh diturunkan dari 15-20 peratus hingga 2 ke 5 peratus sahaja. Antara kelebihan pemasangan lampu LED ialah kos penyelenggaraan dapat dikurangkan dan kegagalan lampu jalan dapat dikawal ke tahap yang minima. Dijangka penggunaan lampu jalan jenis LED akan mengurangkan bilangan aduan awam mengenai kerosakan lampu jalan.
7. Penggunaan lampu jenis LED yang lebih terang dan cerah ini juga diharap dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan rakyat yang menggunakan jalan-jalan kampung khususnya dari aspek mengurangkan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya, selain dapat membantu menjana aktiviti ekonomi komuniti kampung. Pencahayaan yang baik adalah amat penting bagi menjamin

kesejahteraan penduduk setempat selain dapat meningkatkan produktiviti terutamanya bagi gerai-gerai serta perniagaan kecil yang beroperasi sehingga waktu malam.

8. Penggunaan lampu LED juga dapat menjimatkan penggunaan elektrik selaras dengan komitment Kerajaan untuk menjimatkan sebanyak 8% penggunaan elektrik negara.

- **TAMAT** -